KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/2/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	JPN TERENGGANU			

22 lokasi panas hutan simpan dipantau

72 kes kesalahan hutan berjaya dikesan dengan 66 kertas siasatan telah dibuka

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu mengenal pasti terdapat 22 lokasi panas yang dikesan kerap kali berlaku kesalahan melanggar peraturan-peraturan hutan di kawasan hutan simpan kekal negeri itu.

Timbalan Pengarahnya, Azni Rahman A Wahid berkata, semua lokasi itu dikesan hasil pemantauan dan rondaan pegawai dan penguat kuasa perhutanan ke atas lebih 540,000 hektar hutan simpan kekal terdapat di Terengganu.

Menurutnya, antara kaedah pemantauan yang dibuat adalah melalui operasi bersepadu bersama pelbagai agensi lain bagi memastikan sumber hutan negeri terjamin daripada segala anasir-anasir penerokaan dan pencerobohan hutan.

"Sebagai contoh, sempena Tahun Baharu Cina baru-baru ini, kita adakan empat operasi rimba secara bersepadu selama seminggu bermula 29 Januari hingga 6 Februari.

"Operasi ini melibatkan 75 kakitangan perhutanan dengan pemantauan dilakukan selama 24 jam bersama pelbagai agensi," katanya di sini pada Jumaat.

Selain itu, Azni menjelaskan, kaedah teknologi terkini seperti pemantauan melalui udara menerusi helikopter dan penggunaan dron turut dipraktikkan jabatan tersebut bagi membolehkan sebarang pencerobohan hutan dikesan.

Katanya, Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan penggunaan imej satelit secara berkala turut digunakan jabatan perhutanan.

"Ia bagi melihat dan merekodkan sebarang perubahan gambaran hutan, jika didapati berlaku perbezaan keadaan hutan maka siasatan lanjut akan digerakkan di lapangan tersebut," katanya.

Sementara itu, Azni turut memaklumkan sebanyak 72 kes kesalahan hutan berjaya dikesan dengan 66 kertas siasatan telah dibuka membabitkan kompaun lebih RM619,000 di negeri itu sepanjang tahun lalu.

Jelas beliau, penguatkuasaan secara konsisten menemui banyak kesalahan seperti transit membawa hasil hutan tanpa kebenaran, penerokaan hutan dan penebangan balak tanpa lesen yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Tahun lalu, Azni berkata, Jabatan Perhutanan mengesan dua kes melibatkan tangkapan tiga lelaki warga Kemboja yang menceroboh kawasan Hutan Simpan Tembat, Hulu Terengganu pada bulan lalu dan mereka telah dihukum penjara selama lapan bulan.

"Kita tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk pencerobohan dan kecurian sumber hutan.

"Sehubungan itu kita mengalu-alukan sebarang aduan jika berlakunya sebarang kes kesalahan hutan untuk tindakan lanjut," jelas Azni.



Penebangan balak tanpa lesen adalah antara kesalahan yang sering berlaku di hutan simpan Terengganu.